

# BAB 5

## STATISTIK PERDAGANGAN

STATISTIK PERDAGANGAN  
MALAYSIA

STATISTIK PERDAGANGAN  
PULAU PINANG





# Bab 05 | STATISTIK PERDAGANGAN

## STATISTIK PERDAGANGAN MALAYSIA

### Jumlah perdagangan

Malaysia mencatatkan jumlah perdagangan bernilai RM2.85 trilion, meningkat 27.8 peratus atau RM619.4 bilion pada tahun 2022 berbanding RM2.23 trilion pada tahun sebelumnya. Nilai eksport Malaysia berjumlah RM1.55 trilion, manakala jumlah import sebanyak RM1.30 trilion, sekali gus mendorong lebihan perdagangan Malaysia berjumlah RM255.5 bilion, meningkat 0.7 peratus daripada RM253.7 bilion pada tahun 2021.

Peningkatan jumlah perdagangan berlaku di semua negeri terutamanya Johor yang meningkat RM180.9 bilion, diikuti Pulau Pinang (RM168.9 bilion), Selangor (RM78.3 bilion), Sarawak (RM56.2 bilion), Kedah (RM30.6 bilion), W.P. Kuala Lumpur (RM18.4 bilion), Melaka (RM16.9 bilion), Negeri Sembilan (RM15.1 bilion), Sabah (RM10.9 bilion), Pahang (RM10.2 bilion) dan W.P. Labuan (RM9.6 bilion).

### Eksport

Pada tahun 2022, eksport meningkat 25.0 peratus kepada RM1.55 trilion dipengaruhi oleh peningkatan eksport produk utama seperti di bawah:

1

**Litar elektronik bersepadu** yang menyumbang 19.4 peratus daripada jumlah eksport, meningkat RM74.4 bilion (32.8%) kepada RM301.7 bilion.

2

**Keluaran petroleum bertapis** yang merangkumi 9.8 peratus daripada jumlah eksport, naik RM65.5 bilion atau 76.0 peratus kepada RM151.7 bilion.

3

**Gas asli cecair - LNG** menyumbang 4.4 peratus daripada jumlah eksport meningkat sebanyak RM29.8 bilion (78.0%) kepada RM68.0 bilion.

“  
Peningkatan jumlah perdagangan terutamanya di Johor dan Pulau Pinang  
”



“  
RM **2.85** trilion  
Jumlah perdagangan Malaysia, 2022  
”



**Singapura & China**  
Destinasi utama eksport Malaysia



**13.6%**  
Peratusan eksport ke China pada tahun 2022

### Eksport mengikut negara destinasi

Dua destinasi utama eksport Malaysia pada 2022 ialah Singapura dan China.

#### Paparan 5.1 Rakan dagangan utama, Malaysia, 2022



#### China


Eksport	RM210.6 b	↑ 9.4%
Import	RM276.5 b	↑ 20.7%

#### Singapura

Eksport	RM232.6 b	↑ 33.7%
Import	RM135.6 b	↑ 44.9%


Eksport ke China yang merangkumi 13.6 peratus daripada eksport Malaysia meningkat 9.4 peratus kepada RM210.6 bilion pada tahun 2022. Peningkatan ini didorong oleh eksport yang lebih tinggi bagi produk seperti Paparan 5.2.

#### Paparan 5.2 Produk yang mendorong kenaikan eksport Malaysia ke China, 2022



Eksport ke Singapura yang meliputi 15.0 peratus daripada eksport Malaysia pada 2022 meningkat 33.7 peratus kepada RM232.6 bilion berbanding 2021. Produk utama yang menyumbang kepada peningkatan tersebut adalah litar elektronik bersepadu, keluaran petroleum bertapis dan kristal piezo elektrik & alat ganti seperti pada Paparan 5.3.

#### Paparan 5.3 Produk yang mendorong kenaikan eksport Malaysia ke Singapura, 2022





## Import


Import Malaysia merekodkan nilai RM1.30 trilion pada tahun 2022, meningkat sebanyak RM308.8 bilion atau 31.3 peratus (2021: RM987.3 bilion). Produk utama yang mendorong peningkatan ini adalah:

- 1** **Keluaran petroleum bertapis** yang merangkumi 10.8 peratus daripada jumlah import, naik RM56.9 bilion atau 68.7 peratus kepada RM139.8 bilion
- 2** **Litar elektronik bersepadu** menyumbang 14.3 peratus daripada jumlah import, meningkat sebanyak RM47.2 bilion (34.1%) kepada RM185.7 bilion
- 3** **Petroleum mentah** menyumbang 4.1 peratus daripada jumlah import, meningkat sebanyak RM38.8 bilion (274.6%) kepada RM52.9 bilion

### Import mengikut negara asal

Import dari China bernilai RM276.5 bilion (21.3% dari jumlah import Malaysia) meningkat RM47.5 bilion (20.7%) berbanding tahun sebelumnya. Produk utama yang menyumbang kepada peningkatan tersebut adalah seperti pada Paparan 5.4.

#### Paparan 5.4 Produk yang menyumbang peningkatan import dari China, 2022



Import dari Singapura bernilai RM135.6 bilion (10.5% dari jumlah import Malaysia) meningkat RM42.0 bilion (44.9%) berbanding tahun sebelumnya. Produk utama yang menyumbang kepada peningkatan tersebut adalah seperti Paparan 5.5.

#### Paparan 5.5 Produk yang menyumbang peningkatan import dari Singapura, 2022



**RM 1.30 trilion**  
Jumlah import Malaysia, 2022

**RM 276.5 bilion**  
Nilai import dari China, 2022

**RM 135.6 bilion**  
Nilai import dari Singapura, 2022

## SOROTAN PERDAGANGAN PULAU PINANG

“  
**RM 756.4 bilion**  
 Jumlah perdagangan  
 Pulau Pinang, 2022  
 ”




“  
**RM 463.3 bilion**  
 Jumlah eksport  
 barangan  
 Pulau Pinang, 2022  
 ”

### Eksport dan Import Utama

Jumlah perdagangan Pulau Pinang pada tahun 2022 bernilai RM756.4 bilion. Nilai eksport Pulau Pinang berjumlah RM463.3 bilion pada tahun 2022, meningkat sebanyak 30.3 peratus berbanding RM355.6 bilion pada tahun sebelumnya. Sementara itu, nilai import Pulau Pinang juga meningkat 26.4 peratus kepada RM293.1 bilion berbanding RM232.0 bilion pada tahun 2021.

**Carta 5.1** Perdagangan Pulau Pinang dengan dunia, 2015-2022<sup>P</sup>



### Eksport Barangan

Antara eksport barangan utama Pulau Pinang pada tahun 2022 adalah litar elektronik bersepadu yang bernilai RM187.8 bilion dengan pertumbuhan positif 31.8 peratus. Barangan elektrik dan elektronik yang lain pula meningkat 27.2 peratus dan kristal piezo elektrik & alat ganti juga meningkat 109.3 peratus. Seterusnya, alat dan perkakas ikhtisas, sains dan kawalan, t.s.t.l. meningkat 22.0 peratus dan kelengkapan telekomunikasi, alat ganti dan aksesori meningkat 23.4 peratus.

**Jadual 5.1** Eksport barangan mengikut komoditi utama Pulau Pinang, 2015-2022<sup>P</sup>

Komoditi utama	Eksport barangan (RM juta)								Peratus perubahan 2022/2021 (%)
	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022 <sup>P</sup>	
<b>Jumlah eksport barangan</b>	<b>181,577</b>	<b>188,455</b>	<b>229,612</b>	<b>284,741</b>	<b>283,972</b>	<b>313,842</b>	<b>355,591</b>	<b>463,324</b>	<b>30.3</b>
Litar elektronik bersepadu	58,803	57,206	72,717	116,207	113,037	128,899	142,490	187,796	31.8
Barangan elektrik dan elektronik yang lain	24,812	24,177	31,415	37,994	40,169	41,308	41,016	52,153	27.2
Kristal piezo elektrik & alat ganti	9,885	10,392	13,655	13,318	16,126	19,110	20,417	42,728	109.3
Alat dan perkakas ikhtisas, sains dan kawalan, t.s.t.l.	13,517	15,651	17,802	20,884	22,750	25,340	29,774	36,338	22.0
Kelengkapan telekomunikasi, alat ganti dan aksesori	15,095	17,620	18,019	17,677	17,992	19,442	24,472	30,190	23.4



Destinasi eksport utama Pulau Pinang pada tahun 2022 adalah China dengan jumlah eksport bernilai RM82.4 bilion, diikuti Amerika Syarikat dengan RM79.7 bilion. Selain itu, eksport ke Hong Kong bernilai RM63.2 bilion manakala eksport ke Singapura dan Taiwan masing-masing bernilai RM63.1 bilion dan RM29.1 bilion.

### Import Barangan

Antara import barangan utama Pulau Pinang pada tahun 2022 adalah litar elektronik bersepadu yang meningkat 43.1 peratus, diikuti oleh kristal piezo elektrik & alat ganti yang meningkat 16.2 peratus dan barangan elektrik dan elektronik yang lain meningkat 8.1 peratus. Selain itu, peningkatan ini turut direkodkan oleh perkakas litar elektrik & alat ganti sebanyak 21.6 peratus serta alat & perkakas mengukur, memeriksa menganalisis dan kawalan meningkat 23.9 peratus.

Pada tahun 2022, sumber import utama Pulau Pinang adalah daripada China (RM70.6 bilion) dan Taiwan (RM62.7 bilion), diikuti oleh Singapura (RM31.8 bilion), Amerika Syarikat (RM27.4 bilion) dan Jepun (RM24.3 bilion).

**RM 293.1 bilion**  
Jumlah import  
barangan  
Pulau Pinang, 2022

**43.1%**  
Peratus perubahan  
tahunan import  
litar elektronik  
bersepadu,  
2022

**Jadual 5.2** Import barangan mengikut komoditi utama Pulau Pinang, 2015-2022<sup>P</sup>

Komoditi utama	Import barangan (RM juta)								Peratus perubahan 2022/2021 (%)
	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022 <sup>P</sup>	
<b>Jumlah eksport barangan</b>	<b>135,411</b>	<b>144,021</b>	<b>177,936</b>	<b>185,654</b>	<b>177,795</b>	<b>187,397</b>	<b>231,968</b>	<b>293,104</b>	<b>26.4</b>
Litar elektronik bersepadu	34,160	36,668	53,881	60,498	52,548	61,302	74,230	106,241	43.1
Kristal piezo elektrik & alat ganti	19,587	20,294	24,141	22,525	27,297	26,578	29,990	34,842	16.2
Barangan elektrik dan elektronik yang lain	9,691	10,877	13,122	14,104	13,554	14,264	19,743	21,334	8.1
Perkakas litar elektrik & alat ganti	7,435	7,939	8,645	9,904	10,108	11,884	14,091	17,130	21.6
Alat & perkakas mengukur, memeriksa menganalisis dan kawalan	4,657	5,378	5,679	5,375	5,760	6,371	7,574	9,382	23.9

### Rakan Dagang Utama

China merupakan rakan dagang dua hala terbesar dengan Pulau Pinang yang menyumbang sebanyak 20.2 peratus (RM153.0 bilion) daripada jumlah perdagangan. Amerika Syarikat (RM107.1 bilion) adalah rakan dagang kedua terbesar, diikuti oleh Singapura (RM94.9 bilion), Taiwan (RM91.8 bilion) dan Hong Kong (RM71.5 bilion).

**China**

Rakan dagangan  
dua hala terbesar  
Pulau Pinang

## Imbangan Perdagangan

Imbangan perdagangan dua hala **Pulau Pinang** dengan **China** mencatatkan lebih



Imbangan perdagangan dua hala **Pulau Pinang** dengan **Taiwan** merekodkan defisit

Dari sudut imbangan perdagangan dua hala, Pulau Pinang mencatatkan eksport sebanyak RM82.4 bilion ke China, sementara import Pulau Pinang dari China sebanyak RM70.6 bilion. Perbezaan dari segi nilai eksport dan import memberi manfaat kepada Pulau Pinang sebanyak RM11.9 bilion. Imbangan perdagangan dua hala Pulau Pinang dengan Hong Kong, Amerika Syarikat dan Singapura pada tahun 2022 juga mencatatkan lebih masing-masing sebanyak RM54.9 bilion, RM52.3 bilion dan RM31.3 bilion. Walau bagaimanapun, nilai import daripada negara Taiwan yang melebihi nilai eksport telah mendorong kepada defisit perdagangan sebanyak RM33.7 bilion.

**Jadual 5.3** Perdagangan barangan mengikut rakan dagang utama, Pulau Pinang, 2022<sup>P</sup>

Komoditi utama	Eksport		Import		Eksport bersih	Jumlah perdagangan		
	RM juta	Peratus sumbangan (%)	RM juta	Peratus sumbangan (%)	RM juta	RM juta	Peratus sumbangan (%)	Kedudukan
Seluruh Dunia	463,324	100.0	293,104	100.0	170,220	756,428	100.0	
China	82,414	17.8	70,586	24.1	11,828	153,000	20.2	1
Amerika Syarikat	79,704	17.2	27,392	9.3	52,312	107,096	14.2	2
Singapura	63,054	13.6	31,803	10.9	31,251	94,857	12.5	3
Taiwan	29,058	6.3	62,731	21.4	-33,673	91,789	12.1	4
Hong Kong	63,192	13.6	8,339	2.8	54,853	71,532	9.5	5

Nota:

Eksport diperuntukkan kepada negeri berdasarkan negeri asal dalam Malaysia di mana peringkat akhir pengeluaran berlaku. Sebaliknya, import diperuntukkan kepada negeri berdasarkan negeri destinasi terakhir (iaitu negeri di mana barangan dikeluarkan daripada kawalan Kastam, tetapi tidak semestinya di mana barangan itu akhirnya dijual atau digunakan. Dalam hal ini, negeri pemuatan/pelepasan boleh digunakan sebagai proksi bagi negeri asal/destinasi akhir yang sebenar.